

# Dasar Gaji Progresif dilaksanakan berperingkat

Kertas Putih dasar akan dibentangkan dalam sidang khas Parlimen bulan depan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Putrajaya:** Kabinet akan membincangkan Dasar Gaji Progresif bagi memperhalusi pelaksanaannya secara berperingkat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ia juga bagi meneroka keperluan memperuntukkan dana sebagai insentif dasar yang akan ditentukan mengikut kedudukan kewangan kerajaan dan keperluan dasar.

"Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) berbincang mengenai cadangan Dasar Gaji Progresif sebagai satu anjakan ke arah memulihkan pasaran pekerja supaya gaji pekerja dapat ditingkatkan dengan lebih konsisten dan pengagihan gaji lebih seimbang.

"Dasar gaji progresif ini bersifat sukarela, berteraskan insentif dan terkait dengan produktiviti," katanya menerusi kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat MTEN, semalam.

Anwar berkata, model itu diusulkan selepas MTEN mengambil kira pandangan dan kepentingan majikan serta pekerja.

Katanya, dasar terbabit adalah pelengkap kepada Dasar Gaji Minimum yang akan disusuli dengan garis panduan gaji progresif tahunan bagi setiap sektor, pekerjaan dan peringkat.

"Sesi libat urus dan tinjauan awal menunjukkan sebanyak 62 peratus pekerja dan 80 peratus syarikat menyambut baik cadangan Dasar Gaji Progresif dengan ciri yang dinyatakan.

"MTEN berharap dasar ini akan menerima sambutan dan penyertaan seberapa banyak mungkin syarikat dan pekerja.

"Langkah selanjutnya adalah sesi perbincangan dan libat urus dengan pihak berkepentingan, terutama pemain industri, perniagaan dan pekerja," katanya.

Beliau berkata, MTEN berpandangan Dasar Gaji Progresif menjadi reformasi kepada pasaran pekerja untuk memastikan pekerja Malaysia tidak dibebankan dengan kos sara hidup, selain dapat menikmati pekerjaan



Anwar mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara di Putrajaya, semalam. (Foto ihsan PMO)



dengan gaji bermaruah demi kesejahteraan rakyat dan mencapai agenda mengangkat ekonomi negara.

## Wadah hala tuju negara

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Gagasan Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat yang diperkenalkan kerajaan menjadi wadah menetapkan hala tuju negara dalam tempoh sederhana terutama sebagai peneraju ekonomi Asia dan dalam kalangan 30 ekonomi terbesar dunia.

Pada masa sama, katanya, berikutan peratusan pendapatan pekerja Malaysia menurun daripada 37.2 peratus pada 2020 kepada 32.4 peratus pada 2022, kerajaan menetapkan sasaran nisbah terbabit supaya meningkat kepada 45 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan.

"Isu gaji menjadi perkara pokok tidak boleh diabaikan lagi. Berdasarkan Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Pertama 2023 yang dibentangkan minggu lalu, lebih dua juta pekerja Malaysia masih berpendapatan kurang RM2,000 sebulan.

"Situasi ini lebih membimbangkan bagi golongan muda antara umur 20-24 tahun yang mana gaji penengah mereka hanya RM1,682 sebulan.

"Bagi kebanyakan pekerja Malaysia, gaji hanya meningkat kepada RM3,500 pada paras tertinggi sekitar umur 40-49 tahun sepanjang kerjaya," katanya.

## Kertas Putih akan dibentangkan

Sementara itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, memaklumkan Kertas Putih berhubung pelaksanaan Dasar Gaji Progresif itu akan dibentangkan dalam sidang khas Parlimen bulan depan dan beliau percaya ia akan menjadi dasar pasaran buruh yang mampu menaikkan gaji pekerja secara sistematik.

"Dasar ini adalah bersifat su-

karela, berteraskan insentif dan terkait dengan produktiviti. Sesi libat urus dan tinjauan awal menunjukkan sebanyak 62 peratus pekerja dan 80 peratus syarikat menyambut baik cadangan Dasar Gaji Progresif," katanya melalui Facebook, semalam.

Dalam pada itu, Rafizi menegaskan tujuan Dasar Gaji Progresif adalah itu jelas.

Pada Jumaat lalu, katanya, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan data gaji pekerja yang sangat membimbangkan dengan lebih dua juta pekerja bergaji kurang daripada RM2,000, manakala gaji penengah di sembilan negeri tidak melebihi RM2000.

"Isu gaji ini sudah berlarutan selama berdekad-dekad. Satu perubahan yang drastik sangat diperlukan.

"Insya-Allah, dengan Dasar Gaji Progresif, kita boleh mengambil langkah pertama untuk mereformasikan struktur gaji rakyat yang akan menaik taraf kehidupan rakyat Malaysia," katanya.